



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MINGGU SAINS NEGARA 2025 ZON UTARA: SEMARAK BUDAYA STI DALAM KALANGAN GENERASI MASA DEPAN

ALOR SETAR, 25 Oktober 2025 – Pusat Sains Negara Cawangan Wilayah Utara dengan bangganya menjadi tuan rumah bagi Karnival Minggu Sains Negara 2025 Zon Utara. Penganjuran program-program berteraskan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) ini merupakan contoh amalan terbaik dalam pembangunan ilmu pengetahuan di Malaysia. Program-program sebegini selaras dengan usaha kerajaan untuk meningkatkan kesedaran serta kepentingan STI di kalangan semua lapisan masyarakat, sejajar dengan aspirasi negara untuk melahirkan generasi celik sains dan berinovasi.

Negeri Kedah kini giat melaksanakan pelbagai inisiatif berimpak tinggi bagi memupuk minat terhadap bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dalam kalangan pelajar, guru, dan masyarakat umum. Usaha ini bukan sahaja bertujuan melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi, malah membina budaya inovasi yang mampan di peringkat akar umbi.

Minggu Sains Negara 2025 menandakan tahun ke-8 penganjurannya sejak dilancarkan pada 2018, sebagai komitmen berterusan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) membudayakan STI dalam kalangan rakyat. Inisiatif ini selari dengan Pelan Tindakan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021–2030 untuk meningkatkan kesedaran dan penglibatan masyarakat dalam STI sebagai pemacu kemajuan negara.

Dalam ucapan perasmian yang telah disampaikan oleh YB Prof. Dr. Haim Hilman bin Abdullah menekankan bahawa Minggu Sains Negara merupakan platform penting

untuk menyemai minat, mencetus inspirasi, dan menghubungkan generasi muda dengan dunia sains yang luas. Beliau yakin bahawa dengan sokongan padu daripada kerajaan, industri, akademik, dan komuniti, program-program ini mampu melahirkan generasi saintis, jurutera, dan inovator yang akan meneruskan legasi kecemerlangan negeri Kedah.

Program-program seperti ini perlu diteruskan secara konsisten dan diperluaskan agar impaknya dapat dirasakan secara menyeluruh, sekaligus mengukuhkan pembudayaan STI dalam masyarakat. Pendekatan ini mencerminkan ekosistem STEM yang inklusif dan bersepadu, di mana setiap pihak memainkan peranan dalam membentuk masa depan negara yang berasaskan ilmu dan teknologi.

Program Minggu Sains Negara 2025 dilaksanakan melalui tiga (3) kaedah melibatkan Karnival MSN di enam (6) zon seluruh Malaysia, penjelajahan ke sekolah-sekolah terpilih melalui Program MSN Kembara dan sokongan kepada penggiat pembudayaan STI melalui MSNTaja. Karnival Minggu Sains Negara 2025 telah bermula di Sarawak pada bulan Mei, diikuti Terengganu, Sabah, Johor, Kedah dan berakhir di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada bulan November. Setiap lokasi akan dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti yang menarik termasuk pameran interaktif STEM, persembahan sains yang mengujakan, kuiz sains, bengkel pendidikan dan pameran kerjaya berasaskan teknologi masa depan.

Disediakan oleh,

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

25 Oktober 2025

Media kit link:

<https://drive.google.com/drive/folders/1SXUI9I671BSHuVNP Hou0iHhjHODqZR8W?usp=sharing>

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Rosnani Rahman
Ketua Penolong Pengarah
Unit Pendidikan (Seksyen Operasi)
Pusat Sains Negara
(012-336 0739)

Nurul Khusna Hanum
Penolong Pengarah Kanan
Unit Komunikasi Korporat (Seksyen Operasi)
Pusat Sains Negara
(010-2953886)

Tentang Pusat Sains Negara (PSN):

Pusat Sains Negara telah ditubuhkan dibawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pada 1996 dengan matlamat melahirkan generasi penyumbang dalam bidang sains dan teknologi, sekaligus membina masyarakat yang berbudaya sains. PSN juga merupakan sebuah institusi yang menerapkan pembelajaran dan pengajaran sains tidak formal. Untuk maklumat lanjut dan maklumat terkini, sila layari laman sesawang berikut www.psn.gov.my



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

KARNIVAL



25 - 27 OKTOBER 2025

9.00 PAGI - 5.00 PETANG

PUSAT SAINS NEGARA
CAWANGAN WILAYAH UTARA
ALOR SETAR, KEDAH

MASUK PERCUMA

Penganjur Bersama:



Penaja Utama: Ahli Kepada:



@officialmosti

@mosti

www.mosti.gov.my

JADUAL PENGISIAN KARNIVAL MINGGU SAINS NEGARA ZON UTARA 2025
PUSAT SAINS CAWANGAN WILAYAH UTARA
25 OKTOBER HINGGA 27 OKTOBER 2025

LOKASI	25 OKTOBER 2025 (SABTU)	26 OKTOBER 2025 (AHAD)	27 OKTOBER 2025 (ISNIN)
Tempat Letak Kenderaan	Jualan Rahmah Masa: 09:00 pagi - 05:00 petang	Kendera Saji Masa: 09:00 pagi - 05:00 petang	
	Science on Wheels Masa: 09:00 pagi - 05:00 petang		
Susur Oryza	Buih Sabun Gergasi Masa: 09:00 - 10:30 pagi & 03:00 - 04:30 petang		
Lobi Dewan	Pekan Robotik & Teknologi Masa: 09:00 pagi - 05:00 petang		
Foyer Dewan	Saineka Masa: 09:00 pagi - 05:00 petang		
	Reruai Pempamer Masa: 09:00 pagi - 05:00 petang		
	Wishing Wall MSN Masa: 09:00 pagi - 05:00 petang		
Foyer EDO	Cabaran STEM Masa: 09:00 pagi - 05:00 petang		
Dream Odyssey	Saintis Cilik Masa: 09:00 pagi - 05:00 petang		
Eureka	Bengkel Tech Dome Masa: 09:00 pagi - 05:00 petang		
Atrium	Reruai Pempamer Masa: 09:00 pagi - 05:00 petang		
Pavilion Digital Station	Ai4Belia Masa: 09:00 pagi - 05:00 petang		
Tinkering station	Jom Reka Jom Cipta! Masa: 09:00 pagi - 05:00 petang		

Dewan Serbaguna	Pengisian Pentas		
	Majlis Perasmian Karnival MSN Zon Utara Masa: 09:30 pagi -12:00 tengahari	Mimo Ceria Fit Masa: 09:30 pagi	
	Mimo & Friends Masa: 04:00 petang		
	Cabaran Meriam Udara Masa: 12:00 - 01:00 tengah hari		
	Ceritera Sebalik Radas Slot 1: 01:00 tengah hari Dr.Ana Masara (Akademi Sains Malaysia) "The unexpected joy of observation" Slot 2: 02.00 petang Dr.Faidz (Akademi Sains Malaysia) "Makhluk halus, penyelamat alam"	Ceritera Sebalik Radas Slot 3: 10.00 pagi Spacedollah "Kenali Bumi & Angkasa Lepas" Slot 4: 01:00 tengah hari Prof. Madya Dr. Rafidah (Akademi Sains Malaysia) "Menyingkap Kuasa Sinaran" Slot 5: 02.00 petang Spacedollah "Astronomi 101"	Ceritera Sebalik Radas Slot 6: 10.00 pagi Spacedollah "Kenali Planet-planet Unik" Slot 7: 01:00 tengah hari Slot 8: 02.00 petang Mohd Razif mamat @ Daud (NIBM) "RapidRAW"
	Persembahan Sains Sesi petang: 03.00 petang (PSNKL)	Persembahan Sains Sesi pagi: 11.00 pagi (PSNCWU) Sesi petang: 03.00	Persembahan Sains Sesi pagi: 11.00 pagi (Petrosains)

		petang (Petrosains)	Sesi petang: 03.00 petang (Tech Dome)
	Trivia Sains Sesi petang: 03:30 petang	Trivia Sains Sesi pagi: 11:30 pagi Sesi petang: 03:30 petang	
	Persekitaran Dewan		
	Teroka, Jejak & Menang Masa: 09:00 pagi - 05:00 petang		
	PAVILION PLANETARIUM NEGARA Masa: 09:00 pagi - 05:00 petang		
	PAVILION AKADEMI SAINS MALAYSIA Masa: 09:00 pagi - 05:00 petang		

KETERANGAN PENGISIAN
KARNIVAL MINGGU SAINS NEGARA ZON UTARA 2025

- **Teroka, Jejak & Menang**- Aktiviti jejak sains dalam menyelesaikan cabaran yang ditetapkan secara santai di stesen dan tuntutan hadiah.
- **Mimo Ceria Fit** - Senaman pagi bersama Maskot Rasmi PSN Mimo dan Kawan-kawan.
- **REKANOW** - Ruang interaktif untuk berfoto sambil melakukan aktiviti Tinker menggunakan STEM Kit.
- **Cabaran Stacking Cup** - Menguji ketangkasan dan kecekapan pengunjung untuk menyusun cawan dalam masa yang paling singkat berkonsepkan neurosains, kognitif, biomekanik serta kawalan masa.
- **Trivia Sains** - Menawarkan hadiah menarik kepada pengunjung yang berjaya menjawab soalan kuiz menggunakan platform kahoot bertemakan STEM dan matematik dengan tepat dan pantas.
- **Persembahan Sains** - Saksikan persembahan sains ala magis yang menakjubkan seperti Burning Fire, Elephant Toothpaste, Magic Cup, Nitrogen Mushroom, Whoosh Bottle, Metal Burning, Hydrogen Balloon.
- **Cabaran STEM** - Uji minda anda dengan aktiviti interaktif seperti Puzzle 900, Balancing Nail, Maze, Magic Triangle, Phythagoras dan Hand & Body Coordination. dan lain-lain.
- **Cerapan Astronomi** - Aktiviti mencerap matahari pada waktu siang menggunakan teleskop akan memberikan pengalaman kepada masyarakat untuk mencerap aktiviti di permukaan Matahari.
- **Planet VR** - Terokai pengalaman unik sebagai seorang angkasawan dalam kapal angkasa dan menjelajah ke Sistem Suria dan planet-planet yang terdapat dalam Sistem Suria secara maya (virtual).
- **Petrosains** -
 1. Math Kits (ongoing)
 2. Mini Show & simple workshop called Sustainable Suds
 3. Carbonopoly : Educational fun board game
 4. GHG Capture : Informative card game

- **Pameran Aktiviti e** - estidotmy berkenaan kajian dan kerjaya STEM yang dibawakan khas oleh Akademi Sains Malaysia.
- **Ceritera Sebalik Radas** - Sesi bicara santai bersama saintis tempatan dan pemain industri bidang STEM untuk menginspirasi masyarakat membudayakan STI dalam kehidupan harian dan juga kerjaya. Antaranya Spacedollah, Dr.Ana Masara (Akademi Sains Malaysia) dan Dr.Faidz (Akademi Sains Malaysia)